

Kemarau jejas bekalan air lima negeri

» 1.4 juta pengguna hadapi kesukaran empangan susut

Oleh Suzalina Halid, Errah Amran dan Nur Ain Musdad
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Lebih 1.4 juta pengguna di tujuh daerah di Johor, Pahang, Kedah, Perak dan Selangor akan menghadapi gangguan, berikutan bekalan air daripada empangan dan sungai ke 13 Loji Rawatan Air (LRA) bersaiz kecil mengalami penurunan.

Kejadian yang disebabkan fenomena El Nino yang melanda negara itu menyebabkan loji terbabit tidak dapat menghasilkan jumlah air terawat seperti biasa.

Sehingga kini, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) sudah meluluskan permohonan SAJ Holdings Sdn Bhd (SAJ) untuk melaksanakan operasi bekalan berjadual itu di daerah Kota Tinggi

dan Mersing, bermula pada 18 dan 20 April ini.

Ketua Pegawai Eksekutif SPAN, Datuk Mohd Ridhuan Ismail, berkata operasi bekalan itu adalah sebagai salah satu langkah bagi memastikan bekalan air di kawasan yang terjejas mencukupi.

13 LRA alami penyusutan

“Kita akan pastikan bekalan air yang sedia ada cukup walaupun empangan dan sungai yang membekalkan sumber air mentah ke Loji Rawatan Air (LRA) bersaiz kecil di semua negeri mengalami penurunan akibat penyusutan paras sungai.

“Setakat ini, cuaca panas dan kering yang melanda menyebabkan 13 LRA bersaiz kecil di lima negeri tidak dapat menghasilkan air terawat seperti biasa,” katanya dalam kenyataan, di sini semalam.

Katanya, Pengurusan Air Pahang (PAIP) sudah mengerahkan sejumlah 13 lori tangki untuk menghantar bekalan air kepada kawasan yang terjejas, manakala sebanyak 108 buah tangki statik ditempatkan di kawasan sama bagi mengatasi masalah bekalan air.

“Syarikat Air Darul Aman (SADA) di Kedah turut menghantar

Musim kemarau yang melanda Johor memberi kesan kepada Loji Air Sultan Ibrahim Sungai Layang Kong-Kong Pasir Gudang.
[FOTO MOHD AZREN JAMALUDIN/BH]



bekalan air melalui lori tangki dan menempatkan tangki statik di tempat strategik bagi memenuhi keperluan pengguna.


“Lembaga Air Perak (LAP) kini sedang memantau situasi di Taiping dan akan menghantar be-

kalan air sekiranya diperlukan manakala Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (SYABAS) juga sudah menghantar lima lori tangki dan 17 buah tangki statik ditempatkan di kawasan terjejas,” katanya.

Beliau berkata, pemantauan bekalan air yang disalurkan kepada pengguna di Semenanjung dan Wilayah Persekutuan Labuan tetap diteruskan bagi memastikan sumber air minum pengguna tidak terjejas.



Paras Empangan Pedu yang susut akibat cuaca panas disebabkan fenomena El Nino. [FOTO AMRAN HAMID/BH]



Kakitangan Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) melihat keadaan Loji Air Chini yang terjejas.

[FOTO LUQMAN HAKIM ZUBIR/BH]

Perlis minta penduduk sedia hadapi catuan



“
Catuan akan dilaksanakan Perlis jika paras air di Empangan Timah Tasoh menurun sehingga bawah paras 26.2m”

Azlan Man,
Menteri Besar Perlis

Kangar: Perlis dijangka melaksanakan catuan bekalan air apabila paras takungan di Empangan Timah Tasoh, dekat sini, semakin menyusut menghampiri tahap kritikal.

Rekod terkini takungan Empangan Timah Tasoh berada pada paras 26.26 meter (m) berbanding bacaan 26.29m kelmarin, dengan rekod penyusutan harian semakin tinggi iaitu 0.03 m berbanding antara 0.01m hingga 0.02m sehari sebelum ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Azlan Man, berkata trend penurunan air di empangan itu terus berlaku dan pada masa sama, negeri ini masih tidak menerima hujan untuk membantu peningkatan takungan air.

Catuan akan dilaksana

Justeru, beliau menasihatkan rakyat Perlis bersiap sedia berdepan kemungkinan catuan bekalan air dengan melakukan segala persiapan termasuk menyediakan simpanan bekalan air mencukupi.

“Catuan akan dilaksanakan kerajaan negeri jika paras air di Empangan Timah Tasoh menurun sehingga bawah paras 26.2m dan tengah hari ini (semalam) paras takungan direkodkan ialah 26.26m.

“Kita harap Perlis akan menerima hujan dalam tempoh terdekat supaya kita tidak perlu melaksanakan catuan bekalan air ini,” katanya pada sidang selepas pengumuman di sidang Dewan Unda-

ngan Negeri (DUN) Perlis, semalam.

Perlis kini disenarai antara empat negeri melaksanakan proses pembenihan awan bermula Isnin lalu selepas paras takungan di Empangan Timah Tasoh direkod kritikal dengan tumpuan utama usaha itu di kawasan tadahan Timah Tasoh khususnya di Wang Kelian, dekat sini.

Mengulas persediaan dilakukan, Azlan berkata, rakyat bukan saja perlu memastikan simpanan air mencukupi, malah mengamalkan penjimatan penggunaan air.



Di **Ayer Keroh**, kerajaan Melaka tidak menolak kemungkinan melaksanakan catuan air sekiranya cuaca panas dan kering berterusan sehingga awal bulan depan.

Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron, berkata langkah itu terpaksa diambil susulan penyusutan berterusan paras air di empangan Jus, Asahan dan Durian Tunggal.

“Kita menerima laporan bahawa tahap penyejatan air di tahap tinggi serta tidak menyumbang kepada usaha menampung bekalan air di negeri ini.

“Setakat ini paras air di empangan Jus mencatatkan bacaan 75 peratus, Asahan 88 peratus dan Durian Tunggal 50 peratus,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat EXCO kerajaan negeri, di Seri Negeri, di sini, semalam.



Pengawal Keselamatan Bahagian Unit Kawalan Harta Syarikat Air Negeri Sembilan melihat keadaan paras air di Empangan Gemencheh yang susut.
[FOTO IQMAL HAQIM ROSMAN/BH]

INFO

Senarai Loji Rawatan Air Yang Terjejas

LOJI	SEBELUM	SEKARANG
⊙ Pahang		
▪ Lubok Kawah	99.6 Juta Liter Sehari (JLH)	92.2 JLS ↓ (7%)
▪ Jelai	16 JLH	13 JLH ↓ (15%)
▪ Batu 9	290,000 JLH	190,000 JLH ↓ (33%)
▪ Chini	16.3 JLH	12.5 JLH ↓ (24%)
⊙ Kedah		
▪ Lubuk Tupah	15 JLH	10 JLH ↓ (36%)
▪ Merbok	2.5 JLH	0.7 JLH ↓ (7.2%)
▪ Gurun	4.9 JLH	2.1 JLH ↓ (57%)
⊙ Perak		
▪ Taiping Headworks	36 JLH	21 JLH ↓ (42%)
⊙ Selangor, Wilayah Persekutuan dan Putrajaya		
▪ Selisik	1.3 JLH	0.9 JLH ↓ (31%)
⊙ Johor		
▪ Sungai Gembut		
▪ Lok Heng		
▪ Sungai Mersing		
▪ Tenglu		

↓ (Antara 12 sehingga 19 peratus)



Tinjauan di Empangan Teluk Bahang semalam mendapati kapasiti air menunjukkan 64.4 peratus berbanding bacaan minggu lepas ialah 67.1 peratus.
[FOTO SHAHNAZ FAZLIE SHAHRIZAL/BH]